

Amaran PM kepada anak raja

KL M - 7 FEB 1993

KUALA LUMPUR 6 Feb. — Perdana Menteri Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada anak-anak raja supaya jangan memulakan kempen politik menentang kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan, jika anak-anak raja memulakan kempen politik seumpama itu, kerajaan akan mengadakan kempen terbuka menentang mereka.

Menurut Dr. Mahathir, apabila ini berlaku, imej

anak-anak raja yang memegang jawatan penting dalam institusi raja akan terjejas dan ia tidak dapat dielakkan.

"Anak-anak raja juga rakyat biasa... mereka tidak mempunyai status yang lebih daripada itu.

"Jika mereka hendak berpolitik kita tidak larang kerana itu adalah hak mereka.

LHAT MUKA 18

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Amaran PM kepada anak-anak raja

KL M - 7 FEB 1993
sebelum berbuat demikian, mereka kena fikir kesan campur tangan dalam politik kepada peribadi mereka," katanya kepada para pemberita selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas perbuatan sesetengah anak raja yang sudah memulakan kempen memburuk-burukkan kerajaan khususnya menerusi agensi berita asing.

Ada anak raja dan kerabat diraja memberikan interviu khas kepada agensi berita asing termasuk Reuters memberitahu "pihak istana akan kembali kepada rakyat bagi mencari penyelesaian kepada isu pindaan Perlembagaan Persekutuan."

Agensi berita asing beberapa hari lalu melaporkan anak-anak raja dari Johor dan Kelantan sebagai berkata mereka tidak percaya kepada sistem kehakiman negara ini dan mendakwa mahkamah Malaysia tidak bebas.

Anak-anak raja itu mendakwa jika isu pindaan perlembagaan bagi menghadkan imuniti raja-raja Melayu dibawa ke mahkamah, mahkamah tentu akan menyebelahi kerajaan.

Dalam perkembangan terbaru semalam, dua orang putera Sultan Johor — Tengku Ibrahim dan Tunku Majid Idris — bersembahyang Jumaat di sebuah masjid di Tangkak, Johor untuk mendapatkan sokongan rakyat.

"Ayahanda saya meminta saya menyampaikan salamnya kepada anda semua," kata Tengku Ibrahim kepada orang ramai yang bersembahyang di masjid tersebut.

Dr. Mahathir memberitahu para pemberita, mesyuarat MT UMNO hari ini membincangkan secara umum perkembangan pindaan Perlembagaan Persekutuan serta kesan penguatkuasaannya.

Beliau berkata, kerajaan berpendapat rang undang-undang pindaan tersebut, yang diluluskan oleh Parlimen pada 21 Januari lalu, akan tetap menjadi undang-undang

walaupun Yang di-Per-tuan Agong tidak memberi perkenan.

"Dalam mesyuarat hari ini kita ada membincangkan kesan rang undang-undang itu dan berpuas hati dengan matlamat yang telah dicapai sekarang," tegas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir memberitahu, tidak ada raja Melayu yang memberikan reaksi secara langsung kepada beliau berhubung isu imuniti dan penarikar

balik beberapa keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka.

"Tidak ada raja yang tulis surat dan menelefon saya memberikan reaksi mereka," kata beliau ketika menjawab pertanyaan para pemberita.